

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH : 31 JULAI 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 40**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada pegawai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) diserap masuk ke Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau dibatalkan kontrak kerja mereka serta-merta.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SPAD merupakan Badan Berkanun Persekutuan Diasingkan Saraan (BBDS) yang akan dibubarkan dalam masa terdekat setelah pindaan rang undang-undang (RUU) berkenaan dibahas dan diluluskan di parlimen. Fungsi SPAD yang sedia ada akan diambil alih oleh sebuah agensi kerajaan yang berstatus jabatan penuh di bawah Kementerian Pengangkutan.

Pada masa yang sama, SPAD juga mempunyai sebuah anak syarikat iaitu SPADPRO Berhad berstatus Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited By Guarantee - CLBG) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 Disember 2012.

Menurut rekod Julai 2018, perincian personnel SPAD dan SPADPRO Berhad adalah seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Melantik</b>	<b>Taraf Lantikan</b>	<b>Jumlah</b>
1.	SPAD	Tetap	367
		Kontrak	42
		Jumlah	409
2.	SPAD Pro Berhad	Tetap	564
		Kontrak	26
		Jumlah	590
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>999*</b>

\*Data yang diterima daripada SPAD sehingga 6 Julai 2018

Mengikut proses undang-undang, semua 999 pekerja SPAD akan ditamatkan perkhidmatan/kontrak berdasarkan peraturan-peraturan berkaitan pembubaran agensi awam dan syarikat iaitu:

- i- Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun (Akta 239)
  - Seksyen 10(5)(b)
  - Seksyen 6A(b)
- ii- Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 - Akta 714;  
dan
- iii- Akta Pekerjaan (Employment Act 1955) – Akta 265

Bagi memastikan kelancaran penyediaan perkhidmatan dan tidak menjejaskan fungsi-fungsi teras sedia ada, semua penyandang-penyandang lantikan tetap dan kontrak oleh SPAD dan SPAD Pro yang dikenal pasti dan disahkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakan fungsi-fungsi teras pengangkutan awam darat dan memerlukan kepakaran dan kompetensi teknikal, Kerajaan akan menawarkan penyandang untuk berkhidmat dengan perjawatan tetap yang akan dibekalkan dalam waran perjawatan Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ataupun agensi baru APAD yang bakal ditubuhkan.

Tawaran ini adalah tertakluk kepada semua calon yang memenuhi semua syarat-syarat pelantikan berdasarkan kepada skim perkhidmatan perjawatan yang terlibat.